

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 07 SEPTEMBER 2020
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 22

FGV sasar bayar gaji guna e-dompet

Kuala Lumpur: FGV Holdings Bhd menyasarkan melaksanakan sistem dompet elektronik (e-dompet) bagi pembayaran gaji tanpa tunai untuk seluruh sektor perladangannya termasuk di Sabah dan Sarawak menjelang suku pertama 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata, sistem itu dilaksanakan di Gua Musang, Kelantan sejak Februari lalu dengan 1,500 pengguna berdaftar di 11 estetnya.

Menerusi sistem itu, FGV menganggarkan penjimatan

RM1 juta setiap tahun dari segi kos pengendalian gaji.

"Kami percaya e-dompet adalah penyelesaian kewangan yang menyeluruh bagi pekerja kami untuk kemudahan dalam kehidupan sehari-hari dan transaksi setiap hari," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, syarikat itu menyediakan bantuan pendaftaran e-dompet untuk pekerja ladangnya dan lebih banyak fungsi akan dikembangkan dalam beberapa fasa termasuk e-kehadiran, e-rungutan dan e-pembelajaran.



PEKERJA ladang kendalian FGV menggunakan e-dompet untuk pembelian barang keperluan.